

KOLEKSI KERTAS KERJA  
*Seminar*  
*Al-Quran*  
2014

 Penghayatan Al-Quran mengukuh  
Ukhuwah, Memartabat Ummah

 Puasa Mengukuh Ukhuwah

 Solat Mengukuh Ukhuwah

 Zakat Mengukuh Ukhuwah





KOLEKSI KERTAS KERJA

*Seminar*  
*Al-Quran*  
2014



# Himpunan Kertas Kerja SEMINAR AL-QURAN 2014

*Cetakan pertama 2016*

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana mana bahagian artikel , ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin secara bertulis dari Penerbit.

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
KOMTAR, Tingkat 48,  
10000 Pulau Pinang  
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985  
<http://mufti.penang.gov.my>

Rekabentuk / urus cetak:  
Dream Worx

**NASKAH PERCUMA**

## Isi kandungan

### Penghayatan Al-Quran mengukuh Ukhuwah, Memartabat Ummah

Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor.  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

6

### Puasa Mengukuh Ukhuwah

Ustaz Roslan bin Mohamed,  
Universiti Malaya

18

### Solat Mengukuh Ukhuwah

Tuan Haji Hanafiah bin Abdul Razak  
Jabatan Mufti Negeri Johor

32

### Zakat Mengukuh Ukhuwah

Prof Dato' Dr. Ismail Ibrahim  
Universiti Islam Malaysia

34

## **“PENGHAYATAN AL-QURAN MENGUKUH UKHUWAH, MEMARTABAT UMMAH”**

**Oleh : Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor.**

### **Mukadimah**

Al-Quran adalah sebuah kitab yang diwahyukan oleh Allah SWT ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW, yang dinukilkan kepada kita secara tawatur dan bersinambung dari satu generasi ke satu generasi sejak zaman penurunannya sehinggalah ke zaman kini. Kandungannya merupakan panduan hidup yang lengkap dan sempurna bagi umat Islam yang beriman. Oleh itu umat Islam wajib merujuk kitab yang agung ini untuk mendapat panduan dan bimbingan dalam apa jua persoalan yang dihadapi dalam segala lapangan hidup. Di ruang waktu yang terhad ini kita akan cuba menghuraikan bagaimanakah penghayatan al-Quran mampu mengukuhkan ukhuwah dikalangan umat Islam serta memartabatkan kedudukan mereka sebagaimana yang selayaknya. Dengan cara yang demikian kita berharap dan berkeyakinan mereka akan muncul sekali lagi dipentas dunia sebagai suatu umat dominan yang memiliki ciri-ciri keagungan, keunggulan dan keanggunan serta menjadi contoh kepada seluruh manusia.

### **Perpecahan Ummah**

Sama ada kita mahu akui atau tidak, realiti yang terpampang di hadapan kita hari ini memaparkan wajah suatu umat Islam yang amat jauh berbeza daripada citra yang disarankan di dalam al-Quran dan al-Sunnah untuk mereka. Fenomena perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam kini merupakan suatu hakikat yang tidak dapat disembunyikan lagi.

Perpecahan ini melemahkan kekuatan umat dan mencemarkan imej mereka di mata dunia. Gejala ini perlu dicari jalan penyelesaiannya seberapa segera yang mungkin kerana jika ia dibiarkan berlarutan akan menjerumuskan umat kepada kehancuran. Namun penyelesaian yang didambakan tidak mungkin dapat direalisasikan dengan jayanya melainkan ia dirancang dengan bijak dan teliti, diikuti dengan pelaksanaan yang ikhlas, jujur dan dengan segala kesungguhan menurut kaedah-kaedah yang sistematik lagi berkesan.

Matlamat untuk membangun semula umat ini supaya dapat memainkan peranan sebagai *Khairu Ummah* pembawa misi kemanusiaan sejagat perlu dimulakan dengan proses pendidikan (tarbiah) yang mampu merubah

jiwa manusia Muslim dan melonjakkannya ke puncak ketinggian martabat sebagai umat terbaik. Menerusi pendidikan dapat dibekalkan nilai-nilai positif kepada umat ini disamping membebaskannya daripada penguasaan hawa nafsu dan perasaan taksuf kepada kelompok masing-masing berdasarkan ideologi politik, mazhab agama, fahaman kesukuan, asal usul etnik dan sebagainya.

Selanjutnya, kelemahan umat Islam kini adalah disebabkan oleh penyakit-penyakit akhlak, sosial dan fikiran yang melumpuhkan daya tahan, daya saing dan kreativiti umat. Persoalannya, bagaimanakah penyakit-penyakit ini dapat dirawat dengan berkesan? Bagaimanakah kesegaran dapat dikembalikan kepada jiwa-jiwa manusia Muslim yang sekian lama dilanda kelesuan dan kelayuan ini? Bagaimanakah dapat digerakkan semula hati-hati yang sedang lalai dan lali ini supaya bangkit memainkan peranan besarnya untuk memimpin dan membimbing seluruh manusia dengan wahyu Allah SWT yang dipusakainya daripada generasi-generasi Muslim terdahulu menuju ke arah kesejahteraan hidup dunia dan akhirat? Dengan ungkapan yang lebih komprehensif, bagaimanakah harus dikembalikan roh kepada umat ini sehingga dapat memulakan pembinaan tamadun yang baru dengan segala semangatnya, inovasinya dan kreativitinya pada era yang serba canggih ini?

Selaku umat Islam kita seharusnya mempunyai keyakinan yang kukuh kepada segala ajaran agama kita yang suci. Kitab al-Quran yang memuat wahyu Allah SWT yang sahih dan tulen perlu dijadikan sumber bimbingan dan panduan utama dalam mencari penyelesaian terhadap apa jua masalah yang melingkari kehidupan individu dan umat. Kita memerlukan pancaran nur al-Quran bagi menyuluh jalan kehidupan kita yang diliputi kegelapan sepertimana yang berlaku kepada generasi umat Islam yang pertama dahulu. Dengan penurunan wahyu Allah ke atas Nabi Muhammad SAW, masyarakat Arab yang diporak-perandakan oleh budaya hidup jahiliah telah mengalami satu proses transformasi jiwa dan fikiran yang menyeluruh. Perubahan dalaman ini segera mempengaruhi segenap aspek kehidupan mereka sehingga mereka seolah-olah bertukar menjadi manusia baru yang jauh berbeza dengan yang sebelumnya (zaman jahiliah). Hal ini berlaku sebagai hasil daripada penghayatan terhadap wahyu Ilahi yang menghidupkan jiwa-jiwa yang mati ibarat hujan yang menyegarkan semula bumi yang gersang akibat kemarau panjang. Dengan ungkapan lain, kita umat Islam memerlukan roh al-Quran untuk mencetuskan upaya, azam,

inovasi dan kreativiti sebagai elemen-elemen penting bagi pembangunan tamadun umat kontemporari yang didambakan.

Firman Allah SWT : (Surah al-Shura : 52) Maksudnya :

*“Demikianlah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran sebagai wahyu (roh yang menghidupkan hati) daripada perintah Kami. Engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu); apakah kitab (al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu. Tetapi Kami jadikan al-Quran sebagai cahaya yang menerangi, yang Kami beri petunjuk dengannya kepada sesiapa yang Kami kehendaki di kalangan hamba-hamba Kami”. Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar memberi petunjuk (dengan al-Quran itu) ke jalan yang lurus.*

Menerusi ayat ini Allah SWT menghendaki hamba-hamba-Nya menjadikan kitab yang diwahyukan-Nya sebagai roh yang menghidupkan hati dan sebagai pendorong yang berkesan ke arah melakar perubahan terhadap kehidupan individu dan umat.

Mukjizat terbesar al-Quran sebenarnya terletak pada kemampuannya meniupkan roh yang menghidupkan jiwa-jiwa yang mati. Bila mana Allah SWT menyebut di dalam kitab-Nya bahawa Dia menurunkan hujan dari langit lalu dengannya dihidupkan tumbuh-tumbuhan, Dia bukan sahaja mahu menarik perhatian kita kepada kudrat dan hikmah-Nya yang besar, malah, yang lebih penting daripada itu, Dia mahu mengingatkan kita terhadap kewajipan yang mesti kita laksanakan untuk menghidupkan semula jiwa-jiwa yang mati menerusi roh kitab yang diwahyukan-Nya kepada kita sama ada kitab yang dibaca (al-Quran) mahupun kitab alam tabii yang terbentang luas dan boleh dipelajari rahsia-rahsia keagungan Ilahi dengan pandangan mata yang zahir (basar) atau pandangan mata hati (basirah).

Sesungguhnya roh al-Quran yang merangsang ke arah kebangkitan dan melonjak kepada ketinggian ini sudah cukup untuk merubah umat Islam daripada satu keadaan ke satu keadaan yang lain. Apa yang diperlukan ialah respon umat Islam kepada al-Quran; bukan sahaja sebagai lafaz-lafaz yang dibaca dan didendangkan di dalam majlis-majlis musabiqah tilawah atau di dalam majlis-majlis rasmi atau keramaian, tetapi sebagai roh yang menjana potensi dan bakat umat Islam masa kini; lantas bertindak mengadakan islah dan tajdid dalam pelbagai bidang kehidupan mereka. Oleh yang demikian kita perlu mencari roh al-Quran dan mengadakan



hubungan yang erat di antaranya dengan hati-hati kita untuk memperoleh nurnya yang akan mencerahkan hati dan menyegarkan tenaga.

Firman Allah SWT : (Surah al-An'am : 122) Maksudnya:

*“Adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami menghidupkannya semula (dengan hidayah), lalu Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah), dia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang mereka kerjakan”.*

Firman-Nya lagi : (Surah al-Anfal : 24) Maksudnya :

*“Wahai orang yang beriman! Sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila Dia menyeru kamu kepada sesuatu yang memberikan kehidupan kepada kamu, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah SWT berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya dan sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan”.*

Dalam usaha memperoleh roh al-Quran dengan maksud menghidupkan hati dan jiwa ini, seorang Muslim bukan sahaja perlu membaca ayat-ayat suci itu dengan makhraj yang betul dan dengan memelihara hukum-hukum tajwidnya, tetapi perlu juga membacanya dengan memenuhi syarat-syarat tertentu yang antara lain ialah seperti berikut :—

1. Membaca dalam suasana tenang dan hening terutama ketika tengah malam atau dini hari. Paling baik jika ia dibaca sewaktu mendirikan qiamullail.

Firman Allah SWT: (Surah al-Isra' : 78) Maksudnya :

*“Dirikanlah solat ketika gelincir malahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah solat Subuh. Sesungguhnya solat subuh itu adalah disaksikan (oleh para Malaikat)”.*

2. Membacanya dengan tadabbur yakni dengan mengamati dan memikirkan

tentang makna dan maksud ayat yang dibaca untuk mendapat 'ibrah atau pengajaran sepertimana firman Allah SWT: (Surah al-Nisa' : 82) Maksudnya:

*“Apakah mereka tidak memperhatikan (merenung) isi al-Quran? Kalaulah (al-Quran) itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan menemui pertentangan yang banyak di dalamnya”.*

3. Merealisasikan kehambaan diri ('ubudiah) kepada Allah SWT yang sebenar-benarnya atau yang hakiki; sehingga mampu mendorong diri agar bersegera melaksanakan segala perintah-Nya yang ditemui di dalam ayat-ayat al-Quran yang dibaca. Sayugia diingat bahawa menterjemahkan ayat-ayat itu ke dalam kehidupan praktik dapat menyingkap rahsia-rahsia dan makna-makna yang tersimpan di dalam khazanah al-Quran; termasuk memahami hukum-hakamnya yang tidak mungkin diperolehi oleh mereka yang hanya membacanya secara biasa sahaja.
4. Membaca dengan tekad mengajak nafsu supaya tunduk taat kepada segala perintah Allah SWT, bukan menurut kepentingan duniawi yang menjadi hijab tebal yang mendinding di antara hati seseorang dan hidayat Allah SWT. Inilah yang menghalang orang-orang kafir daripada beriman kepada al-Quran dan memahaminya. Firman Allah SWT : (Surah al-Isra' : 45 dan 46) Maksudnya :

*“Apabila engkau membaca al-Quran (wahai Muhammad), nescaya Kami jadikan di antara engkau dengan orang yang tidak beriman kepada hari akhirat itu suatu dinding yang tertutup. (Sebab itu, mereka tidak memahami al-Quran). Dan Kami jadikan penutup yang berlapis-lapis di atas hati mereka, juga penyumbat pada telinga mereka, yang menghalang mereka daripada memahami kebenaran al-Quran”.*

### **Keperluan Kepada Kebersihan Hati**

Segala kelakuan dan tindakan seseorang adalah berpaksikan kepada jiwa rohaninya. Kejayaan seseorang sama ada di dalam kehidupan dunia ini mahupun di akhirat nanti adalah bergantung kepada paksi yang tulen ini. Seseorang tidak mungkin menjadi individu yang baik jika tidak memiliki jiwa atau hati yang bersih sepertimana firman Allah SWT :

(Surah al-Syams : 7, 8 dan 9) Maksudnya :

*“Demi jiwa (manusia) dan penyempurnaan (kejadiannya). Maka (Allah) mengilhamkannya (untuk mengenal) kejahatan dan yang membawanya kepada ketakwaan. Sesungguhnya berjajalah orang yang menyucikan jiwanya”.*

Rasulullah SAW pula mengisyaratkan kepada keadaan ini dalam sabdanya : Maksudnya :

*“Ingatlah dalam tubuh seseorang itu ada seketul daging, jika ia baik (sihat) maka baiklah tubuh seluruhnya dan jika ia rosak maka rosaklah tubuh seluruhnya. Ingatlah ianya ialah hati (jantung)”.*

Apabila peribadi setiap individu yang baik berjaya dibentuk maka tentulah masyarakat juga secara automatiknya menjadi baik kerana sebuah masyarakat terdiri daripada orang-orang perseorangan yang boleh diibaratkan sebagai batu bata yang membentuk sebuah bangunan. Justeru jiwa dan hati setiap individu Muslim memerlukan pancaran nur daripada roh al-Quran supaya ia menjadi terang benderang dan dengan itu mudah diislahkan serta disegarkan semula sehingga mampu kembali berperanan untuk membangun dan memimpin dunia menuju keamanan dan kesejahteraan. Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah yang berbunyi : (Surah al-Ra'd : 11) Maksudnya :

*“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”.*

Menerusi jiwa-jiwa yang dibersihkan dan dijernihkan dengan pancaran roh al-Quran inilah maka sebuah umat dapat dibina semula dengan teguh dan kukuh di mana setiap bahagiannya saling berkerjasama untuk memastikan binaan ini sentiasa terpelihara dalam keadaan mampan dan lestari sepertimana digambarkan di dalam sebuah hadith yang bermaksud :

*“Seorang beriman (dalam hubungannya) dengan seorang beriman yang lain adalah seumpama sebuah binaan yang teguh; sebahagiannya menguatkan bahagian yang lain”.*

## Pengukuhan Ukhuwah

Ukhuwah atau persaudaraan hanya boleh terjadi di kalangan mereka yang diikat oleh faktor-faktor dari dalam diri (hati/jiwa/rohani). Ia tidak mungkin terbuhal dengan kemas menerusi faktor-faktor semula jadi yang tidak boleh dipilih oleh seseorang dan tidak terpancar dari dalam dirinya seperti faktor-faktor bangsa, suku kaum, bahasa, budaya, sejarah dan sebagainya. Walaupun tidak dinafikan bahawa faktor-faktor ini memang ada dampak dan pengaruhnya, tetapi kesemuanya tidak memadai untuk menjadi pengikat para anggota sebuah komuniti menjadi sebuah bangunan yang teguh dan perkasa.

Kita lihat faktor-faktor ini pernah wujud pada penduduk negara-negara tertentu, tetapi gagal menyatupadukan mereka dan tidak mampu mengelak daripada berlaku perbalahan dan perpecahan di kalangan mereka. Contohnya para penduduk Semenanjung Tanah Arab sebelum kedatangan Islam merupakan satu bangsa. Mereka menggunakan satu bahasa yang sama, mempraktikkan budaya yang sama dan mempunyai sejarah yang sama. Tetapi kesemua faktor ini tidak dapat menyatukan masyarakat mereka, malah mereka sering berperang dan menumpahkan darah antara sesama mereka. Keadaan seperti ini juga berlaku kepada penduduk Ireland, Korea, China dan lain-lain negara. Mereka bersengketa dan berperang sesama sendiri walaupun mereka merupakan bangsa yang sama, mempunyai latar belakang sejarah yang sama dan menggunakan bahasa dan budaya yang sama.

Lantaran itu masyarakat perlulah diikat dengan faktor yang lebih kukuh daripada faktor-faktor di atas iaitu faktor yang terpancar dari dalam diri manusia itu sendiri. Faktor yang dimaksudkan tidak lain dan tidak bukan ialah 'akidah atau kepercayaan agama. Justeru, setelah peribadi individu berjaya dibentuk oleh Rasullah SAW dengan iman yang menghasilkan kelakuan dan budi pekerti yang baik, dan setelah Islam berjaya menambat hati masyarakat Muslim pertama (generasi Sahabah) dengan ikatan rohani yang mantap, maka tumbuhlah nilai-nilai positif di dalam hati-hati mereka. Nilai-nilai seperti kasih sayang kerana Allah, saling bantu-membantu, sedia berkorban untuk kepentingan saudara dan sebagainya. Allah SWT berfirman (Surah al-Hujurat : 10) Maksudnya :

*“Sesungguhnya orang mukmin itu adalah bersaudara”.*

Ungkapan ringkas ini menggambarkan hakikat iman yang terpancar dari roh al-Quran lantas menambat hati para mukmin sehingga seolah-olahnya mereka menjadi satu jasad yang setiap anggotanya dapat merasai apa yang dirasakan oleh anggota yang lain. Keadaan inilah yang diisyaratkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Di dalam sabdanya yang berbunyi : Maksudnya:

*“Perumpamaan orang-orang yang beriman pada saling bermesra, berbelas kasihan dan bersimpati antara sesama mereka adalah seperti jasad yang satu; apabila salah satu anggotanya mengadu kesakitan, maka seluruh jasad bersahut-sahutan dengan berjaga dan demam”.*

(Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Ibnu Hibban daripada Nu'man Ibnu Basyir)

Untuk memperkukuh ukhuwah, Islam mengajar umatnya beberapa adab yang perlu dihayati antara lain ialah seperti berikut :-

- Sebarkan budaya salam dan senyum.
- Saling hormat-menghormati.
- Saling tolong-menolong / bantu-membantu.
- Menerima undangan.
- Berkasih sayang kerana Allah SWT.
- Menghargai pandangan saudara.
- Bertoleransi dan bersikap terbuka.
- Memberi dan menerima hadiah.
- Berterima kasih apabila menerima pemberian saudara baik material mahupun budi.
- Saling ziarah-menziarahi.
- Mengucapkan tahniah di atas kejayaan saudara atau kerana memperolehi sesuatu nikmat.
- Melahirkan rasa simpati dengan mengucap takziah apabila ada kematian atau *istirja'* bila ditimpa bencana.

Bagi tujuan yang sama Islam mengajar umatnya supaya menjauhi beberapa perbuatan buruk antaranya adalah perbuatan-perbuatan

berikut :-

- Bersikap sombong dan angkuh
- Merendah atau menghina saudara
- Suka bergosip dan mudah mempercayai berita yang belum dapat dipastikan kesahihannya
- Suka mencari aib saudara untuk didedahkan kepada umum
- Mengumpat
- Membuat tuduhan palsu
- Memfitnah
- Kasar bahasa atau kelakuan
- Tidak sopan
- Keakuan yang melampau
- Taksub kepada pandangan sendiri
- Lain-lain lagi seumpamanya

### **Memartabatkan Umat**

Apa yang dimaksudkan dengan memartabatkan umat ialah mengangkat dan meninggikan kedudukannya ke tingkat yang selayaknya selaku *khairu ummatin ukhrijat linnas*. (Sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk menjadi contoh kepada sekalian manusia). Untuk tujuan ini agama Islam amat memberi perhatian terhadap pembinaan peribadi Muslim terutama melalui proses pendidikan sepertimana telah pun dihuraikan di atas.

Peranan akidah yang benar sekali lagi merupakan elemen paling penting dalam konteks memartabatkan umat. Ianya adalah faktor pemersatu yang tidak mungkin diketepikan dalam usaha mengembalikan kekuatan dan dominasi umat Islam seperti zaman awal sejarah mereka dahulu. Inilah keyakinan kita dan yang perlu diterapkan di dalam hati generasi penerus umat pada zaman kini. Keyakinan ini bukanlah lahir daripada khayalan mereka yang suka bermimpi siang hari, atau fatamorgana yang hanya mempermainkan pandangan sang musafir yang kehausan! Ianya adalah suatu hakikat yang telah terbukti di dalam sejarah bangsa Arab sendiri selaku bangsa yang pertama mengalami proses transformasi dalaman dan luaran setelah menerima Islam sebagai anutan dan cara hidup yang

sempurna. Demikianlah yang difahami daripada firman Allah SWT : (Surah Ali'Imran : 103) Maksudnya :

*“Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara”.*

Ayat di atas memperihalkan satu proses transformasi menyeluruh yang dialami oleh masyarakat Arab setelah mereka menganut agama Islam dan menjadikannya sebagai cara hidup yang sempurna. Mereka seolah-olah satu bangsa yang mati pada zaman pra-Islam yang lebih dikenali dengan zaman jahiliah. Kemudian mereka disegarkan (dihidupkan) kembali oleh roh al-Quran setelah mereka menghayatinya di dalam pelbagai lapangan hidup mereka.

Hakikat ini perlu disedari oleh generasi umat Islam zaman kini. Mereka perlu bermuhasabah untuk memastikan bahawa mereka benar-benar merupakan umat yang satu berdasarkan kepada kesatuan 'akidah, syariah, sejarah, manhaj dan matlamat hidup. Firman Allah SWT (Surah al-Anbiya' : 92) Maksudnya :

*“Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu (asasnya). Aku (Allah) Tuhan kamu. Maka, sembahlah kamu akan Daku.”*

Perbezaan-perbezaan yang timbul kerana berpegang kepada mazhab-mazhab fiqah yang berlainan atau kerana menganggotai parti-parti politik tertentu, tidak seharusnya memisahkan apa lagi memecah-belahkan perpaduan umat Islam dan kesatuannya. Malah menjadi kewajipan setiap individu Muslim terutama golongan yang bergelar pemimpin, mencari jalan mempertautkan semula barisan umat supaya kedudukannya dapat dimartabatkan. Sehubungan ini adalah tidak wajar bagi sesiapapun atau mana-mana pihak pun cuba menyebarkan isu-isu khilafiah di dalam masyarakat Islam, atau cuba mengengahkan mana-mana mazhab yang berbeza daripada yang diamalkan oleh majoriti masyarakat Islam di kawasan atau negara tertentu sejak berabad-abad lamanya. Perbuatan begini boleh mengeruhkan kejernihan hubungan sosial antara sesama anggota umat dan boleh menjerumuskan mereka ke jurang perpecahan.

Berkaitan dengan isu ini juga umat Islam perlu menghindarkan sikap suka membidaahkan amalan-amalan tertentu yang dilakukan oleh umat Islam

di rantau ini kerana terpengaruh dengan pandangan sesetengah ulama di negara-negara lain. Umat Islam di rantau Alam Melayu atau yang dikenali juga dengan Nusantara mempunyai latar belakang sejarah dan budaya yang sedikit sebanyak berbeza dengan umat Islam di tempat-tempat lain. Latar belakang sejarah dan budaya ini perlu dikaji dengan teliti sebelum seseorang menghukum sesuatu amalan yang dilakukan itu bidaah atau sebaliknya. Disamping itu konsep sunnah dan bidaah juga perlu dihalusi kerana perbuatan suka membidaahkan sesuatu amalan itu lazimnya lahir daripada definisi sunnah dan bidaah yang berbeza.

Lebih membahayakan dan kerana itu amat perlu diwaspadai ialah perbuatan mengkafirkan sesama Muslim yang satu ketika dahulu pernah menghangatkan iklim politik di negara ini. Walaupun isu ini agak kurang dibangkitkan sekarang, tetapi tidak mustahil ia akan muncul kembali apabila didesak oleh perubahan suasana dan strategi politik tertentu. Perbuatan suka mengkafirkan sesama umat Islam ini terang-terang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Batas pemisah di antara Islam dan kufur ialah mengucap dua kalimah syahadah. Ertinya apabila seseorang melafazkan syahadatain maka dia diterima sebagai seorang Muslim tanpa memandang kepada apa jua yang dilakukannya selepas itu selama mana tiada bukti jelas yang menunjukkan dia telah murtad. Banyak hadith-hadith Nabi SAW. yang menerangkan hakikat ini : antaranya hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-Nasa'i daripada Anas Ibnu Malik dan 'Abdullah Ibnu Mas'ud bahawa Nabi SAW Bersabda : Maksudnya :

*“Barangsiapa bersolat seperti solat kita, mengadap ke kiblat kita (ketika menunaikan solat) dan makan haiwan yang disembelih mengikut cara sembelihan kita, maka dia adalah seorang Muslim. ”*

Akhir sekali, sebagai umat Islam, sudah sampai masanya kita membebaskan diri kita dan umat kita daripada gagasan “Negara Bangsa” yang diciptakan oleh penjajah Barat untuk kepentingan mereka sendiri. Sesungguhnya akibat meniru bangsa-bangsa Barat daripada aspek ini, maka umat Islam telah berpecah-belah menjadi bangsa-bangsa kecil dan lemah. Malah mengikut catatan sejarah, bangsa-bangsa Barat sendiri pernah berperang antara sesama mereka disebabkan perasaan taksuf kepada masing-masing negara yang berdasarkan kepada bangsa-bangsa yang berasingan. Akhirnya mereka sedar tentang akibat negatif daripada gagasan tersebut; lalu kembali bersatu di dalam kesatuan *Eropah* atau *European Union*.



Lantaran itu umat Islam perlu menyingkirkan konsep negara seperti ini secara beransur-ansur jika benar mahu memartabatkan umat dan meletakkannya ke posisi umat terbaik yang layak mengendalikan teraju kepimpinan dunia. Yang lebih penting daripada itu ialah untuk mendapat keredhaan Ilahi.

### **Khatimah**

Mencari jalan supaya umat Islam kembali mengukuhkan perpaduan dan kesatuan yang diikat dengan ikatan ukhuwah yang tulen, seterusnya berusaha memartabatkan semula kedudukan umat ini, adalah kewajiban yang mesti diberi prioriti oleh pihak-pihak yang berkuasa di dunia Islam. Tentunya kita amat mengharapkan pihak Persidangan Negara-negara Islam (OIC) memainkan peranan yang lebih berkesan ke arah merealisasikan impian ini. Sehubungan itu umat Islam perlu menghayati segala ajaran al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan hidup kerana ini amat membantu ke arah pencapaian matlamat yang didambakan. Sama-samalah kita memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT agar hasrat yang mulia ini akan terlaksana dalam masa yang tidak terlalu jauh dengan izin-Nya jua. Dia Maha Berkuasa atas segala-galanya. Amin!

Wassalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh!

Gombak

18 Syaaban 1435H/16 Jun 2014M

**“PUASA MENGUKUH UKHUWAH”**

oleh : *Ustaz Roslan bin Mohamed*  
*Universiti Malaya.*

**Mukadimah**

Dalam Islam, amalan berpuasa terbahagi kepada tiga jenis iaitu berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan, berpuasa pada hari tertentu seperti puasa enam hari di bulan Syawal dan berpuasa sunat seperti puasa hari Isnin dan Khamis. Dari segi bahasa, puasa ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan, minum dan bercakap. Manakala dari segi istilah syaraknya pula bermaksud menahan diri daripada sebarang perkara yang yang membatalkannya bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari berserta dengan niat. Menurut sejarah, amalan berpuasa juga telah diamalkan oleh umat terdahulu sejak sebelum kedatangan Islam. Firman Allah SWT (Surah Al-Baqarah : 183) Maksudnya :

*“Wahai orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”.*

Jika kita mengkaji sejarah kehidupan masyarakat dan agama di dunia ini, kita akan dapati hampir setiap bangsa yang wujud akan mengamalkan puasa dan kehidupan mereka. Mungkin kaedah ataupun tujuan mereka berbeza, namun amalan tersebut diiktiraf dari segi kesihatan dan sifat kehambaan, disamping kerana unsur kemasyarakatan, tuntutan agama ataupun untuk mengelak sesuatu bencana. Antara bangsa atau umat terdahulu yang mengamalkan puasa pada hari atau bulan tertentu adalah seperti di Negara India, Jepun, Parsi, China, Rom, Mesir Purba, Nasrani dan Arab Jahiliah. Maka ayat yang diturunkan berkenaan dengan puasa adalah berkenaan dengan amalan puasa umat yang terdahulu sebelum difardukan ke atas umat Islam. Pada mulanya, cara orang Islam berpuasa adalah sama dengan cara orang yang telah diamalkan oleh *Ahlu-Kitab* ketika berpuasa iaitu dalam tempoh 23 jam, bermula dengan jatuhnya matahari atau selepas solat Isyak dan berakhirnya selepas jatuhnya matahari pada hari berikutnya sekalipun belum menunaikan solat Isyak. Puasa seperti di bulan Ramadan telah difardukan ke atas para *Ahlu-Kitab* sebelum kedatangan Islam seperti pendapat sebahagian ulama yang menyatakan “...seperti ia difardukan ke atas mereka sebelum kamu (*Ahlu-Kitab*) pada beberapa hari tertentu di bulan Ramadan”. Cara berpuasa ini berterusan sehingga turunnya firman

Allah SWT(Surah Al-Baqarah : 185) yang bermaksud :

*“Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah dia berpuasa”.*

Dengan ayat tersebut, maka bermulanya hukum berpuasa pada sepanjang bulan Ramadan. Begitulah antara perkembangan ringkas mengenai amalan berpuasa yang bukan sahaja dilakukan oleh umat Islam, malah oleh umat-umat manusia yang terdahulu. Selain itu, istimewanya bulan Ramadan kepada umat Islam adalah kerana penurunan Al-Quran berlaku pada bulan tersebut yang kemudiannya dijelaskan seterusnya pada ayat di atas (Surah Al-Baqarah : 185) yang bermaksud :

*“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia.*

Allah juga berfirman (Surah Al-Baqarah : 2) yang bermaksud :

*“Kitab al-Quran ini sebenarnya tidak ada sebarang keraguan (sebagai sesuatu yang datangnya daripada Allah SWT dan sempurna); kemudiannya ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertakwa”.*

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya ‘Bidayah al-Hidayah’, ketakwaan terbahagi kepada dua bahagian iaitu melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Beliau juga menegaskan bahawa permulaan jalan hidayah adalah ketakwaan zahir dan pengakhiran jalan hidayah adalah ketakwaan batin. Petunjuk tersebut hanya akan diperolehi seseorang yang berusaha mempersiapkan diri menjadi seorang yang bertakwa.

Dalam hal ini, jika puasa dapat dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan memberi kesan pada diri maka tujuan utama ibadah puasa iaitu mencapai takwa akan tercapai. Sesungguhnya puasa adalah jalan untuk penyucian hati (tazkiyyah an-nafs) dan mengembalikan hati seseorang kepada fitrah sebenar insan. Sayyid Qutb dalam kitabnya ‘Fii Zilalil Quran’ menjelaskan takwa ialah membangunkan apa yang ada di dalam hati dan memelihara hati dari merosakkan puasa kerana kemaksiatan. Sesungguhnya Allah berfirman (Surah Taha : 75-76) yang bermaksud :

*“Sesiapa yang datang kepada-Nya dalam keadaan beriman dan dia telah*

*mengerjakan amal-amal yang soleh, maka mereka itu akan beroleh tempat-tempat tinggal yang tinggi darjatnya. (Iaitu) syurga-syurga yang kekal, yang mengalir padanya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya. Itulah balasan orang yang membersihkan dirinya daripada perbuatan kufur dan maksiat”.*

Oleh yang demikian, dengan melakukan segala amal soleh yang diperintahkan oleh Allah, seorang mukmin itu akan berupaya menghapuskan rasa angkuh dalam diri, membina kesabaran, mempertingkatkan nilai kemanusiaan dalam diri, prihatin terhadap kesulitan dan penderitaan orang lain dengan menghulurkan pertolongan penuh ikhlas demi meraih reda Allah SWT.

### **Puasa Mengukuh Ukhuwah Sesama Manusia**

Selain memperbaiki hubungan kita dengan Allah SWT dengan melakukan ketaatan terhadap segala perintah dan menjauhi larangan-Nya, kita juga haruslah menilai sejauh mana ibadah puasa mampu mendorong kita untuk memperbaiki dan mengukuhkan hubungan sesama manusia. Allah menggalakkan pelbagai amalan yang boleh dilakukan ketika berpuasa untuk meningkatkan saham akhirat kerana amalan berpuasa bukan hanya sekadar suatu amalan yang diperintahkan. Antara amalan yang lebih afdal dilakukan ketika berpuasa ialah bersedekah, terutamanya ketika berpuasa di bulan Ramadan. Amalan bersedekah sangat dianjurkan Islam kerana mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah SWT. Dalam hadis Rasulullah SAW juga ada dinyatakan mengenai kelebihan bersedekah yang bermaksud :

*“Jagalah kalian dari neraka, meskipun hanya dengan separuh kurma”.*  
(Hadis Riwayat Bukhari)

Selain itu terdapat juga hadis mengenai kelebihanannya iaitu :

*“Barangsiapa memberikan makanan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa, maka dia memperoleh pahala sama dengan orang yang berpuasa, sedangkan pahala orang yang berpuasa itu sendiri tidak berkurangan walau sedikit pun”.*  
(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Islam mengajar umatnya supaya tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa beringat kepada orang disekitarnya. Namun, dalam usaha kita untuk menunjukkan rasa prihatin terhadap orang disekitar kita, kita juga

diingatkan untuk melakukan sedekah dalam keadaan tanpa pengetahuan orang ramai. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*“Sesungguhnya di bawah teduhan Arasy pada hari tidak ada teduhan, melainkan teduhan Allah ialah seorang yang bersedekah dengan tangan kanannya lalu disembunyikannya sedekah itu sehingga tidak diketahui tangan kirinya”.*

*(Hadis Riwayat Imam Ahmad)*

Inilah konsep sebenar sedekah menurut Islam dimana gambaran tangan kanan dan tangan kiri itu begitu dekat namun tetap tidak harus diketahui oleh tangan yang lain. Apabila bersedekah, kita dikehendaki untuk mendahulukan orang yang hampir dengan kita seperti adik-beradik, saudara mara dan jiran tetangga sebelum menghulurkan bantuan kepada orang lain. Perkara ini diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah dimana Baginda SAW bersabda yang bermaksud :

*“Apabila seseorang daripada kamu berkeadaan miskin (dan dia hendak bersedekah), maka hendaklah dia lebih dahulu mengutamakan keperluan dirinya sendiri. Kalau ada yang berlebih, hendaklah disedekahkan kepada anak isteri dan orang yang ditanggung nafkahnya. Kalau ada juga yang berlebih, hendaklah disedekahkan kepada kerabatnya (atau kepada orang yang ada pertalian kerabat dengannya). Kalau ada juga yang berlebih, maka hendaklah disedekahkan kepada orang lain yang memerlukan bantuan, yang ada di sana sini”.*

*(Hadis Riwayat Ahmad)*

Maka, antara susunan keutamaannya ialah bersedekah kepada diri sendiri dahulu, kemudian isteri, anak, orang gaji, seterusnya kepada sesiapa yang memerlukan. Jika masih ada golongan fakir dan miskin di negara kita, adalah lebih baik bersedekah kepada mereka terlebih dahulu sebelum bersedekah kepada penduduk luar negara.

Jelaslah disini Islam mampu menunjukkan bahawa amalan bersedekah dapat mengukuhkan silaturrahim sesama manusia, malah digalakkan untuk memperbaiki hubungan dengan orang yang lebih dekat terlebih dahulu. Dengan bersedekah, sedikit sebanyak akan melembutkan hati mereka jika kita pernah bersengketa atau berlaku salah faham sebelum. Ketika ditanya mengenai bersedekah kepada kaum kerabat, Rasulullah SAW menerangkan

*“Orang (yang bersedekah kepada kerabatnya) itu mendapat dua pahala; pahala hubungan silaturrahim dengan kerabatnya dan pahala sedekah itu sendiri”.*

*(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Selain itu, hadis daripada Abu Mas'ud al-Andari daripada Baginda SAW bersabda :

*“Sesungguhnya orang Islam itu apabila dia memberi nafkah dengan sesuatu kepada keluarganya, sedangkan dia memberikannya dengan tujuan mematuhi perintah Allah dan mengharapkan pahalanya nescaya pemberiannya itu menjadi sedekah (yang berpahala) baginya”.*

*(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Oleh itu nilai sedekah bukan juga hanya tertakluk kepada banyaknya sedekah, tetapi juga terletak pada nilai keikhlasan niat hati seseorang. Antara ibadah lain yang dikaitkan dengan ukhawah dan bulan puasa (Ramadan) adalah amalan solat secara berjemaah. Solat berjemaah adalah sangat dituntut dalam Islam dimana ia menzahirkan semangat syiar Islam dan memupuk semangat perpaduan dikalangan umat Islam. Malah jika diimbau kembali sirah Rasulullah SAW, usaha yang pertama dilakukan oleh baginda semasa berhijrah ke Madinah adalah mendirikan masjid pertama dalam Islam iaitu masjid Quba'. Baginda membina masjid tersebut bersama para sahabat dan penduduk Madinah. Tujuan utama masjid tersebut dibina adalah untuk mengumpulkan umat Islam di suatu tempat untuk menunaikan solat secara berjemaah, aktiviti pengajian, tempat beristirahat para musafir, dan sebagainya. Tidak lama kemudian, baginda mendirikan sebuah lagi masjid yang dikenali sebagai masjid An-Nabawi di Kota Madinah. Memandangkan kepentingan masjid dalam perkembangan agama Islam dan penyatuan umat Islam, Rasulullah SAW telah menggalakkan umatnya mendirikan masjid walau dimana sahaja mereka menetap secara berkumpulan. Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah RA yang bermaksud :

*“Rasulullah SAW telah menyuruh umatnya mendirikan masjid di tempat tempat perkampungan dan hendaklah sentiasa dibersihkan dan diharumkan”.*

*(Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud dan At-Tirmizi)*

Antara hadis yang terkenal dengan solat berjemaah adalah daripada Ibnu

Umar RA, dimana baginda SAW bersabda yang bermaksud :

*“Solat berjemaah itu lebih baik dan pada solat bersendirian dengan dua puluh tujuh kali ganda”.*

*(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Dalam bulan Ramadan, kita bukan sahaja berpuasa, malah dituntut untuk menunaikan solat sunat tarawih secara berjemaah atau bersendirian di masjid mahupun di rumah, di antara selepas solat Isyak hingga sebelum terbitnya fajar. Rasulullah SAW telah bersabda:

*“Bahawa Allah SWT menetapkan kewajipan puasa dan disunatkan untuk kita solat di malam hari dan sesiapa yang berpuasa pada siang hari dan melakukan solat pada malam harinya kerana iman dan mengharapkan keredhaan-Nya, maka dia akan bersih dari dosa-dosanya seperti seorang bayi yang dilahirkan ibunya”.*

*(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Solat sunat tarawih boleh dilakukan secara bersendirian, namun lebih digalakkan secara berjemaah kerana ganjaran pahalanya. Melakukan solat sunat tarawih secara berjemaah di masjid adalah peluang kepada umat Islam untuk berkumpul dan bertemu antara satu sama lain, disamping berkenal-kenalan selama sebulan yang pasti akhirnya akan mengukuhkan hubungan ukhuwah.

Solat secara berjemaah dikaitkan dengan sistem mengatur hidup secara bermasyarakat. Tidak ramai di kalangan umat Islam yang menyedari kepentingan solat jemaah dari aspek pembangunan umat. Jika alasan ini menyukarkan individu tersebut ke masjid untuk bersolat jemaah, sekurang kurangnya cuba usahakan untuk solat berjemaah bersama keluarga atau dilakukan di tempat kerja bersama rakan-rakan. Faedah yang diperolehi daripada aktiviti ini adalah mampu memperbaiki dan membina hubungan antara jemaah, selain merasakan semangat yang berbeza berbanding solat secara bersendirian. Solat yang mempunyai banyak rakaatnya seperti solat sunat tarawih akan berasa ringan apabila kita mendapat kekuatan daripada orang di sekeliling kita. Namun jika dilakukan secara bersendirian, hati kita mudah terusik dengan bisikan dan hasutan syaitan. Inilah yang dikatakan oleh pepatah melayu “bersatu kita teguh; bercerai kita roboh”.

Ukhuwah juga dapat dikukuhkan dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid sebelum mengerjakan solat sunat tarawih. Aktiviti berbuka puasa secara beramai-ramai mampu menarik lebih ramai umat Islam ke masjid disamping berkongsi juadah berbuka yang disediakan. Makan bersama saudara se-Islam bukan sahaja mendekatkan kita pada realiti keadaan saudara se-Islam kita yang tidak mempunyai apa-apa untuk dijamah ketika berbuka, malah membuka ruang kepada kita untuk berkongsi rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita. Sabda Rasulullah SAW bermaksud :

*“Seorang muslim adalah saudara bagi seorang muslim yang lain. Dia tidak akan menzaliminya dan tidak membiarkan saudaranya itu”.*

Tidak memadai jika kita berbuka puasa tanpa solat berjemaah bersama-sama. Ukhuwah tersebut seharusnya berpanjangan sehingga selesai solat dan bersalaman sambil memohon maaf antara satu sama lain. Seorang muslim hendaklah bersalaman dengan senyuman, bertegur sapa dan mengekalkan hubungan tersebut. Jika tidak terjalinnya ukhuwah antara para jemaah yang lain, maka solat jemaah tersebut tidak lengkap dan berkesan. Solat yang dilakukan mungkin berpahala, tetapi tidak mencapai sunnah yang sempurna dalam menegakkan rukun bermasyarakat sepertimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW selepas penghijrahannya ke Madinah.

## **Khatimah**

Ibadah puasa bukan sahaja mampu mendidik jiwa kita dalam menjaga hubungan dengan sang Pencipta, malah mampu untuk mengukuhkan ukhuwah sesama manusia dengan amalan bersedekah dan mengerjakan solat secara berjemaah seperti yang diamalkan oleh seluruh umat Islam ketika menyambut bulan Ramadan. Segala perbalahan hendaklah diusaha untuk dileraikan kerana malanglah bagi kita yang tidak bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain. Padahal kita sedia memahami bahawa perpaduan dan ukhuwah umat Islam amat penting demi menguatkan agama Islam selain dapat mematahkan perancangan musuh yang hendak menghancurkan Islam dan umat Islam. Allah SWT sendiri memuji orang yang mudah memaafkan orang lain dan berusaha untuk menjernihkan hubungan seperti firman-Nya (Surah Ali -Imran : ayat 134) yang bermaksud

*“Iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah,*



*dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan ingatlah, Allah mengasihi orang yang melakukan perkara-perkara yang baik”.*

Dalam hadits juga ada disebutkan mengenai memaafkan kesilapan orang lain, iaitu hadits daripada Abu Hurairah RA, dimana Rasulullah SAW bersabda :

*“Tidaklah sedekah itu mengurangkan harta dan tidaklah Allah menambahkan bagi hamba yang suka memaafkan (kesilapan orang lain) melainkan kemuliaan, dan tidaklah seseorang itu tunduk tawaduk kepada Allah melainkan Allah yang mengangkat darjatnya.”*

Amalan berpuasa hanya akan menjadi sia-sia jika amalan yang dididik ketika berpuasa selama sebulan itu tidak mampu untuk mengajak manusia menjalinkan hubungan silaturrahim sesama insan berasaskan roh kasih dan cinta sesama umat.

### **“AHLAN RAMADAN... BULAN YANG DIRINDUI”**

Ramadan datang lagi. Selamat datang diucapkan kepada tetamu istimewa yang tetap akan berlalu meninggalkan kita. Bulan Ramadan yang menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda. Syaitan dirantai dan dibuka pintu syurga dan ditutup pintu neraka. Sesungguhnya Ramadan adalah bulan kebaikan dan keberkatan.

Selayaknya sebagai Muslim kita bersedia menyambut kedatangannya. Seorang musafir biasanya bersedia sebelum memulakan perjalanan, seorang pekerja bersedia untuk menjalani kursus dan latihan yang berkaitan dengan tugasnya, sebagaimana syaitan juga - sebelum dirantai – telah mengerah bala tenteranya untuk memperdaya setiap Muslim dengan berbagai cara dan pendekatan.

Dengan itu setiap Muslim sewajarnya berlumba-lumba untuk merebut semua peluang yang tersedia di sepanjang bulan Ramadan ini. (Surah Al-Mutaffifin : 26 ) :

*“(Bahannya) pula adalah kasturi. Oleh yang demikian itu hendaklah mereka berlumba-lumba bagi merebut kelebihan dan kesenangan itu”.*

## Diperturunkan cara yang terbaik bagi menyambut dan menjalani ibadah di bulan Ramadan :

1. Berdoa supaya berpeluang berada di bulan Ramadan dalam keadaan yang baik dan dapat melakukan ibadah, dari berpuasa, qiam dan zikir. Anas meriwayatkan yang Rasulullah SAW bila memasuki bulan Rejab berkata :

*“Ya Allah berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadan”.*

*(Hadis Riwayat Ahmad dan al-Tabarani)*

Para salaf al-salih berdoa agar mereka dapat berada di bulan Ramadan dan memohon supaya segala amalan yang dikerjakan akan diterima oleh Allah SWT. Apabila mereka berjaya menjejakkan kaki di bulan Ramadan dan anak bulan Ramadan telah kelihatan, mereka berdoa :

*“Allah Maha Besar! Ya Allah! Muncul dan nampakkanlah kepada kami (anak bulan) dengan aman, iman, selamat, sejahtera dan taufik bagi perkara yang Kamu suka dan redha. Tuhan kami dan Tuhanmu adalah Allah”.*

*(Hadis Riwayat Tirmizi, al-Darimi dan disahihkan oleh Ibn Hibban)*

2. Puji dan syukur akan ketibaan Ramadan. Imam al-Nawawi ada menyebut dalam al-Azkar : “Sesungguhnya sangat digalakkan bagi sesiapa yang berulang nikmat yang zahir atau tertolak bencana yang zahir untuk bersujud syukur kepada Allah.” Sesungguhnya adalah suatu nikmat yang besar bagi seseorang hamba jika mendapat petunjuk untuk melakukan ketaatan dan ibadah. Hanya dengan memasuki bulan Ramadan dalam keadaan yang baik adalah suatu nikmat yang besar yang melayakkannya bersyukur kepada Allah SWT.
3. Bergembira dengan kedatangan Ramadan. Rasulullah SAW memberikan berita gembira kepada para sahabat dengan kedatangan Ramadan. Katanya :

*“Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan, Allah memfardukan kamu berpuasa dan dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka”.*

*(Hadis Riwayat Ahmad)*

Para salaf al-salih dari kalangan sahabat dan tabiin cukup mengambil berat dengan bulan Ramadan. Mereka sangat bergembira dengan kedatangannya. Apakah lagi kegembiraan lebih besar dari perkhabaran hampirnya Ramadan yang merupakan musim keberkatan dan turunya berbagai rahmat !

4. Berazam dan melakukan perancangan awal untuk memanfaatkan Ramadan. Ramai di kalangan Muslim yang membuat perancangan yang kemas untuk urusan dunia tetapi tidak merancang apa-apa untuk akhirat. Ini berpunca dari sikap memandang sepi akan urusan akhirat dan lupa akan kepentingan kehidupan hari ini untuk bekalan bagi kehidupan yang kekal abadi di akhirat.
5. Menanam azam yang kuat bagi merebut semua peluang dan memakmurkan setiap waktu dengan amal soleh.
6. Mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan Ramadan. Selayaknya setiap Muslim beribadat kepada Allah SWT berdasarkan ilmu. Dengan itu, mereka hendaklah mengetahui serba-serbi mengenai puasa, agar ia dapat mengerjakannya dengan betul. Ia tidak segan untuk bertanya kepada mereka yang berkelayakan. Firman Allah (Surah al-Anbiya : 7) yang bermaksud :

*“Maka bertanyalah kamu kepada “Ahlu al-Dhikri”(orang yang berilmu), jika kamu tidak mengetahuinya”.*

7. Menyambut Ramadan dengan azam untuk meninggalkan dosa dan kejahatan dan bertaubat dari segala dosa dan kejahatan yang lalu. Bulan Ramadan adalah bulan taubat, jika tidak bertaubat pada bulan ini. Bila lagi mahu bertaubat? Firman Allah (Surah an-Nur : 31) yang bermaksud :

*“Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang yang beriman, agar kamu berjaya”*

8. Persiapan jiwa dan rohani dengan membaca buku, risalah dan mendengar ceramah dan menghadiri pengajian dan berdiskusi berkaitan Ramadan supaya setiap orang bersedia dari aspek kejiwaannya untuk melaksanakan kewajipan yang bakal tiba.
9. Menjalankan tugas dakwah dan mengajak ke arah kebaikan. Ia boleh dilakukan dengan peringatan (tazkirah) ringkas untuk jamaah di masjid

atau surau, membahagikan risalah mengenai Islam, mengagihkan hadiah Ramadan (Ramadan Gift) sama ada dalam bentuk buku, risalah, vcd dan seumpamanya dan sumbangan untuk fakir miskin dan golongan yang memerlukan. Peruntukkanlah dari pendapatan bulanan untuk projek kebajikan Ramadan.

10. Menyambut Ramadan dengan lebaran baru.

- Bersama Allah SWT dengan taubat yang benar.
- Bersama Rasulullah SAW dengan mentaati apa yang diperintah dan menjauhi apa yang dilarang.
- Bersama kedua ibu bapa, isteri atau suami dan anak-anak, kaum kerabat dengan kebaktian dan hubungan yang baik.
- Bersama masyarakat dengan aktiviti yang baik dan bermanfaat.

**Jadual harian bagi Muslim yang berpuasa :**

**Sebelum Subuh :**

- Tahajud. Firman Allah (Surah az-Zumar : 9) yang bermaksud :

*“Apakah kamu wahai orang musyrik yang lebih beruntung) atau orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapakan rahmat Tuhannya?”*

- Bersahur. Sabda Rasulullah SAW :

*“Bersahurlah sesungguhnya pada sahur itu ada keberkatannya”. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

- Beristighfar sehingga azan Subuh. Firman Allah (Surah az-Zariyat : 18 ) yang bermaksud :

*“Dan di akhir-akhir malam mereka beristighfar (memohon keampunan kepada Allah)”*

- Solat sunat Fajar. Sabda Rasulullah SAW :

*“Dua rakaat fajar itu lebih baik dari dunia dan seisinya”. (Hadis Riwayat Muslim).*

**Selepas Terbit Fajar :**

- Bersegera untuk menunaikan solat Subuh berjemaah. Sabda Rasulullah SAW :  
*“Andainya mereka tahu (kelebihan) solat Isyak dan Subuh, nescaya mereka akan datang walaupun merangkak”.* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).
- Berzikir dan berdoa sehinggalah iqamat untuk solat Subuh. Sabda Rasulullah SAW :  
*“Doa yang tidak ditolak antara azan dan iqamat”.* (Hadis Riwayat Ahmad, Tirmizi dan Abu Daud).
- Duduk di masjid untuk zikir dan membaca al-Quran sehingga terbit matahari. “Rasulullah SAW terus berada di tempat duduknya sehingga terbit matahari”. (Hadis Riwayat Muslim).
- Solat sunat dua rakaat.  
*“Sesiapa yang melakukan solat subuh berjemaah kemudian duduk berzikir (mengingati Allah) sehingga terbit matahari, kemudian ia bersolat dua rakaat baginya pahala laksanakan menunaikan haji dan umrah selengkapnyanya”.* (Hadis Riwayat Tirmizi)
- Berdoa supaya diberkati sepanjang hari. Sabda Rasulullah SAW :  
*“Ya Allah sesungguhnya aku bermohon darimu kebaikan bagi hari ini, permulaannya, pertolongannya, cahayanya, keberkatannya dan petunjuknya dan aku berlindung dari keburukan yang terdapat padanya dan keburukan sesudahnya”.* (Hadis Riwayat Abu Daud).
- Keluar untuk belajar atau bekerja. Sabda Rasulullah SAW :  
*“Tidaklah bagi seseorang itu makanan yang lebih baik baginya kecuali dari hasil kerjanya sendiri kerana Nabi Allah Daud makan hasil kerja tulang empat keratnya”.* (Hadis Riwayat Bukhari).
- Memperbanyakkan zikir untuk sepanjang hari
- Infaq atau sedekah harian dengan menghayati doa malaikat. “ *Wahai Tuhan ! Kurniakanlah kepada mereka yang bersedekah itu gantian dari sedekahnya itu”.*

**Zohor :**

- Solat Zohor berjemaah pada waktunya dan bersegera padanya. Ibn masud berkata :

*"Bahawa Rasulullah SAW mengajar kamu Sunan al-Huda (sunnah-sunnah petunjuk) dan di antara Sunan al-Huda itu ialah solat di masjid yang dikumandangkan azan padanya". (Hadis Riwayat Muslim).*

- Berehat seketika dengan niat yang baik. Rasulullah SAW bersabda :

*"Bagi badan kamu juga ada haknya".*

**Asar :**

- Solat Asar berjemaah dan didahului dengan solat sunat empat rakaat sebelumnya. Sabda Rasulullah SAW :

*"Allah merahmati orang yang bersolat empat rakaat sebelum solat fardu Asar". (Hadis Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).*

- Mendengar tazkirah di masjid. Sabda Rasulullah SAW :

*"Sesiapa yang ke masjid tiada niat lain kecuali untuk mempelajari kebaikan atau mengajar orang lain baginya laksana pahala haji yang mabrur".*

- Duduk di masjid. Sabda Rasulullah SAW :

*"Sesiapa yang berwuduk di rumahnya dan diperelekan wuduknya kemudian ke masjid, ia adalah tetamu Allah menjadi hak tuan rumah memuliakan tamunya". (Hadis Riwayat at-Tabrani).*

**Maghrib :**

- Berdoa sebelum masuknya waktu solat Maghrib. Sabda Rasulullah SAW :

*"Tiga golongan yang tidak ditolak doa mereka, antaranya ; orang yang berpuasa sehinggalah berpuasa".*

- Berbuka dengan juadah berbuka beserta doa
- Solat Maghrib berjemaah di rumah atau di masjid. "Rasulullah SAW

terus berada di tempat duduknya sehingga terbit matahari". (Hadis Riwayat Muslim).

- Wirid petang
- Bersama keluarga dan melakukan aktiviti yang bermanfaat
- Bersedia untuk solat Isyak dan solat sunat tarawih

**Isyak :**

- Solat Isyak berjamaah.
- Solat Tarawih sepenuhnya bersama imam. Sabda Rasulullah SAW :

*"Sesiapa yang melakukan qiam Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah akan diampunkan dosanya yang lalu". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).*

- Melewatkan solat witir hingga ke akhir malam. Sabda Rasulullah SAW :  
*"Jadikan witir solat kamu yang terakhir pada waktu malam" - Muttafaq 'alayh.*

**Program Terbuka :**

- Ziarah kaum kerabat, rakan dan jiran.
- Diskusi (keluarga atau terbuka).
- Hadir program kejiranan.

**“SOLAT MENGUKUH UKHUWAH”**

oleh : Tuan Haji Hanafiah bin Abdul Razak  
Jabatan Mufti Negeri Johor.

**Pedoman Nabi SAW : Hubungan Sesama Allah dan Hubungan Sesama Manusia : Solat Mengukuhkan Ukhuwah.****Nilai Solat Yang Tertulis :**

Firman Allah SWT (Surah Hud : 114) yang bermaksud :

*“Dan dirikanlah solat pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada ketika permulaan waktu malam (Maghrib dan Isyak). Sesungguhnya amalan-amalan yang baik itu menghapuskan amalan-amalan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang yang selalu mengingati Allah”.*

Tafsirnya:

Imam Khushairi membentangkan pendapat ulama salaf al-salih berhubung kalimah firman Allah taala seperti berikut :

1. Kebaikan-kebaikan menghampirkan diri kepada Allah itu yang menghilangkan segala kejahatan yang menghinakan.
2. Kebaikan-kebaikan penyesalan yang menghilangkan keburukan dosa.
3. Kebaikan-kebaikan terjatuh yang menyelamatkan daripada keburukan di jatuhkan.
4. Kebaikan-kebaikan memohon ampun kepada Allah yang menghindarkan keburukan kejahatan maksiat.
5. Kebaikan-kebaikan memohon ampun kepada Allah yang menghindarkan keburukan kejahatan berterusan melakukan maksiat.
6. Kebaikan-kebaikan pemeliharaan menghilangkan kejahatan jenayah.
7. Kebaikan-kebaikan memberi kemaafan persaudaraan Islam yang menghilangkan perasaan dendam ke atas mereka itu.
8. Kebaikan-kebaikan kemuliaan yang menghilangkan kejahatan pelayan-pelayan.
9. Kebaikan-kebaikan berbaik sangka yang menghilangkan pelbagai kejahatan mereka terhadap diri kamu.



10. Kebaikan-kebaikan limpah kurnia dari Allah SWT yang menghilangkan kejahatan perhitungan taat daripada diri kamu.
11. Kebaikan-kebaikan kebenaran yang menghilangkan keburukan kerana kagum dengan diri sendiri.
12. Kebaikan-kebaikan ikhlas yang menghilangkan keburukan riak.

**Nilai Ukhuwah Dalam Solat :**

Rasulullah SAW bersabda :

*“Sesiapa yang memperelokkan hubungan dengan Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah, cukuplah baginya Allah SWT memperelokkan hubungannya dengan sesama manusia, dan sesiapa yang memperelokkan hal ehwal rahsia dirinya nescaya Allah SWT memperelokkan hal ehwal luaran dirinya”.*

Bahawasanya memperbanyakkan hal ehwal seseorang itu melalui kebahagiaan, kebajikan dan keteguhannya menjalankan pekerjaan bersama-sama makhluk meletakkan mereka di dalam keredhaan Allah SWT. Hadis di atas juga bermaksud menegah kamu meletakkan harapan kepada makhluk atau berurusan selain dengan Allah atau menuntut diri makhluk manfaat atau menolak mudarat atau bergantung hati kamu dengan makhluk.

**“ZAKAT MENGUKUH UKHUWAH”**

oleh : Prof Dato' Dr. Ismail Ibrahim  
Universiti Islam Malaysia.

“Penghayatan Al-Quran Dalam Konsep Ibadah” yang menjadi tema seminar ini merangkumi segala aspek kehidupan ummah, terutamanya di dalam menghadapi kehidupan global moden yang penuh dengan cabaran terhadap manusia dan kemanusiaan, cabaran terhadap nilai dan gaya hidup, akidah dan syariah, moral dan akhlak kerohanian, yang menjadi teras kekuatan ummah ini.

Dalam konteks seminar ini, kita dapat membicarakan sesuatu yang lebih terfokus kepada temanya, iaitu ‘Zakat Mengukuh Ukhawah’, atau ibadat zakat sekiranya dilaksanakan dengan baik akan dapat menguatkan persaudaraan umat Islam.

Kita mengetahui bahawa ibadat zakat adalah merupakan satu sistem yang telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk pembangunan harta dan kekayaan ummah sebagai satu mekanisme pembangunan ummah yang berkesan, sesuai dengan peredaran tamadun dan kemajuan manusia pada hari ini.

Kajian tentang zakat yang telah dilakukan selama ini merangkumi perkara-perkara yang berikut :-

1. Strategi : Strategi zakat sebagai satu institusi dalam ajaran Islam yang mempunyai kaitan dengan pembangunan ekonomi ummah, haruslah dimantap dan diyakini oleh masyarakat Islam dan pemerintahnya. Sistem zakat hendaklah dikaji dan dipertingkatkan menurut teori ekonomi moden agar institusi ini menjadi sebahagian daripada sistem kewangan dan pengurusan harta atau khazanah Negara.
2. Usaha begini sebenarnya tidak hanya melibatkan sebuah negara yang tertentu mengikut sempadan geografi dan kawasannya, atau mengikut anutan politik dan mazhab yang tertentu, kerana dalam kewajipan berzakat, dan tentulah juga dalam memanfaatkan hasil zakat ini. Allah SWT yang amat umum untuk semua individu dan umat Islam seluruhnya, atas dasar bahawa umat Islam itu adalah umat yang satu walau di mana sekali pun mereka berada.

Allah SWT berfirman di dalam (Surah al-Taubah : ayat 71) yang

bermaksud

*“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberikan rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi, Maha Bijaksana”.*

3. Dasar tolong menolong dan kerjasama dalam masyarakat Islam adalah merupakan satu teras yang seharusnya diamalkan dalam membangun dan memperkuatkan masyarakat mereka dan dalam hal ini termasuklah kerjasama dalam bidang kemanfaatan yang diperolehi daripada institusi zakat. Memanglah kalau dibandingkan dengan sistem ekonomi moden yang serba canggih itu, maka institusi zakat kelihatan tidak berupaya memainkan peranannya yang cukup berkesan untuk pembangunan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya. Kadar zakat 2.5% yang seharusnya dikeluarkan tentulah kelihatan tidak akan berjaya membawa kekuatan ummah ke mana-mana jika dibandingkan dengan peratusan kadar caruman cukai pendapatan umpamanya.

Tetapi usaha yang dilakukan di dalam negara kita pada hari ini nampaknya telah menunjukkan hasil yang baik dalam pungutan zakat, iaitu dengan mewujudkan pusat-pusat pungutan zakat di dalam negeri-negeri telah menunjukkan bahawa hasil pungutan zakat telah meningkat ke jumlah yang besar tahun demi tahun. Langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengecualikan kadar bayaran zakat dari cukai pendapatan individu adalah merupakan satu langkah yang bijak dan positif ke arah menyedarkan umat Islam untuk menunaikan zakat yang wajib ke atas mereka.

4. Urusan zakat adalah merupakan urusan pemerintah. Individu yang menunaikan zakat pada hari ini adalah atas kesedaran sendiri dan pelajaran yang didapatinya terhad dalam menunaikan zakat ini akan terlaksana dengan cara yang berlaku mengikut tradisi di dalam sesuatu masyarakat itu. Sebelum ditubuhkan sebarang pusat untuk mentadbirkan zakat oleh Kerajaan Negeri di negara kita umpamanya, maka orang Islam akan mengeluarkan zakat kepada pihak yang berhak menerimanya secara peribadi. Pesawah akan mengeluarkan zakat padinya kepada sesiapa yang dirasanya berhak menerima zakat mengikut pelajaran

yang dipelajarinya, dan demikian juga apabila tiba bulan puasa, dan menjelang hari raya, ia akan membawa segantang beras untuk diberikan kepada guru agama, atau sesiapa yang perlu sebagai zakat fitrahnya.

Oleh itu ijtihad ulamak yang membenarkan penubuhan pusat zakat adalah merupakan satu kemajuan baru yang diwujudkan untuk menginstitusikan sistem zakat dan mentadbirkannya secara profesional. Para ulamak dan pengkaji bidang-keislaman dalam melaksanakan ijtihad ini tentulah telah mengkaji tafsiran ayat-ayat al-Quran tentang hal ini, umpamanya dalam (Surah al-Taubah : 103) yang bermaksud :

*“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka (daripada dosa dan akhlak yang buruk), serta doakanlah untuk mereka. (Ini kerana) sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.*

Dengan itu, pemerintah mempunyai kuasa untuk memungut dan mentadbirkan zakat itu, kerana salah satu fungsi pemerintahan Islam ialah mendidik masyarakat supaya umatnya dapat membersihkan diri mereka dari sifat bakhil dan kikir, juga cinta yang melampaui batas terhadap harta kekayaan mereka. Maka ayat ini telah menjelaskan fungsi zakat sebagai satu cara pendidikan dalam menyuburkan sifat kebaikan dalam hati umat dan memperkembangkan harta benda mereka. Hal ini diperkuatkan lagi oleh firman Allah SWT di dalam (Surah al-Ma'arij : 24 & 25) ketika Allah SWT memberikan beberapa panduan untuk manusia menghilangkan sifat kikirnya.

*“Dan mereka yang dalam harta-harta mereka tersedia bahagian tertentu. Bagi orang(miskin) yang meminta, dan orang miskin yang tidak meminta”.*

Maka untuk menjamin keadilan sosial di antara rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan dan kadar pendapatan mereka, pemerintah haruslah menjalankan tugasnya dalam bidang ini, termasuk dalam urusan zakat yang telah diwajibkan oleh Allah SWT.

5. Kita mungkin tidak terlalu bercita-cita tinggi dalam merialisasikan mekanisme dengan mengharapakan bahawa semua negara Islam di dunia ini akan mewujudkan sebuah Baitul Mal agong untuk semua negara Islam. Hal ini mungkin akan menjadi angan-angan yang tidak

akan tercapai tangan dalam masa yang terdekat ini.

Tetapi cita-cita untuk mewujudkan sebuah badan zakat Asia Tenggara haruslah kita pupukkan, supaya agenda ini akan menjadi satu kenyataan, melalui semangat persaudaraan dan persefahaman di antara negara-negara di rantau ini. Saya pernah melihat di dalam media bahawa pemerintah Indonesia telah mempunyai Institusi Manajemen Zakat, Jakarta, dan para perwakilannya pernah mengunjungi PPZ Wilayah Persekutuan untuk lawatan sambil belajar.

Pengalaman negara-negara rantau ini, termasuk negeri-negeri di Malaysia yang telah mengambil langkah menubuhkan pusat zakatnya sendiri, sejak beberapa dekad yang lalu, dan kemajuan yang telah di perlihatkan selama ini, mungkin merupakan pengalaman yang amat baik kepada agenda ini.

Mengikut Laman Web Pusat Pengutan Zakat Wilayah Persekutuan yang pernah saya layari bahawa pada tahun 2006, PPZ Wilayah Persekutuan berjaya memungut zakat harta sebanyak RM126.7 juta, meningkat sebanyak 19 peratus berbanding RM106.7 juta bagi tahun 2005. Jumlah ini telah meningkat dengan berlipat ganda menjelang tahun-tahun yang terakhir ini iaitu melebihi RM500 juta jumlah pungutannya sejak tahun 2012 dan 2013.

Negeri Selangor juga telah berjaya memungut jumlah yang hampir sama bagi tahun-tahun yang terakhir ini, yang membuktikan bahawa kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja telah berjaya memungut sebanyak RM1 bilion setahun, satu jumlah yang amat besar yang sekiranya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, maka jumlah pungutan zakat itu akan dapat memajukan umat Islam dalam peningkatan ekonomi dan kesejahteraan hidup mereka.

Peningkatan jumlah zakat yang di pungut dari tahun ke tahun merupakan satu perkembangan positif terhadap kesedaran orang Islam untuk berzakat, dan peningkatan jumlah syarikat Islam yang menyedari kewajibannya untuk mengeluarkan zakat atas nama syarikat.

Hal ini akan menjadi lebih ketara lagi apabila ekonomi umat lebih meningkat di samping kesedaran mereka untuk menunaikan zakat, juga apabila lebih banyak umat Islam yang menerajui syarikat-syarikat perniagaan yang komited kepada ajaran Islam tentang kewajipan

berzakat ini.

Dalam konteks ini, mungkin tidak menjadi kesalahan sekiranya kita mengambil satu contoh untuk perbandingan tentang pungutan zakat dan pengagihannya yang berlaku di negara Islam lain. Menurut akhbar "Ukaz di Saudi Arabia, keluaran 2 Syawal 1425H, 350 pertubuhan kebajikan yang diamanahkan untuk mengagihkan Wang zakat dan Wang derma serta harta wakaf di negara tersebut, telah mengeluarkan jumlah kira-kira 102 bilion Riyal Saudi kepada orang-orang yang berhak menerima zakat, membina masjid, hospital," pusat pengajian dan sebagainya. Saudi mempunyai penduduknya lebih kurang sama sahaja dengan jumlah penduduk negara kita Malaysia, tetapi taraf ekonominya adalah jauh lebih tinggi dan pendapatan per kapita penduduknya juga lebih tinggi, terutamanya melalui urusan perniagaan, perhotelan, urusan jemaah haji dan umrah, dan akhir-akhir ini telah berlaku peningkatan harga minyak yang memberi kekayaan yang lebih banyak lagi kepada penduduknya, sama ada yang terdiri daripada orang Saudi sendiri atau orang Yaman, Pakistan, India, Bangladesh, dan lain-lainnya yang berkerja di sana.

Menurut akhbar Al-Watan keluaran 30 Oktober 2005 (27 Ramadan 1426), rakyat Saudi Arabia dianggarkan akan membayar zakat fitrah bagi tahun tersebut sebanyak 200 juta Riyal Saudi. Zakat Fitrah ini juga disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang telah dilantik oleh kerajaan untuk diagih-agihkan kepada para asnaf zakat dan kerja-kerja kebajikan lainnya. Contoh ini sudah cukup memberikan bayangan kepada kita, betapa negara-negara Islam yang kaya dikurniakan Allah SWT di dunia ini, akan dapat memanfaatkan harta zakat ini dengan lebih sistematik lagi sekiranya institusi ini dibawa ke dalam arus perdana pembangunan dan pentadbiran negara. Jumlah Wang zakat yang dipungut di Saudi di dalam contoh di atas hanyalah daripada kutipan zakat fitrah sahaja, tidak termasuk zakat perniagaan, harta dan lain-lain.

Bagaimana pun satu perkara yang seharusnya diberikan perhatian berat dalam usaha menubuhkan .pusat atau badan zakat secara bersekutu ini ialah kewibawaan badan tersebut dan ketelusannya dalam menguruskan "institusi zakat ini. Tanpa satu mekanisme yang teratur yang melibatkan satu badan pengurusan yang berwibawa dan profesional dari segi pungutan dan pengagihannya, akaun dan penguditananya, maka para pembayar zakat akan merasa ragu-ragu dan akan bertanya apakah zakatnya akan sampai kepada pihak yang berhak menerimanya, atau

diuruskan secara amanah dan jujur.

6. Negara-negara Islam pada keseluruhannya adalah lemah dan miskin. Tetapi negara Islam yang kaya pula, sungguh pun bilangannya adalah kecil, namun sekiranya kekayaan itu diuruskan dengan bijaksana, maka negara Islam akan dapat tegak sebagai kuasa ekonomi dunia yang kuat. Di atas telah kita lihat bagaimana orang Islam di Saudi Arabia yang membayar zakat fitrah secara individu sahaja, jumlah zakat fitrah itu telah sampai kepada jumlah yang agak besar, iaitu 200 juta Riyal Saudi setahun. Jika hal ini dijadikan perbandingan maka jumlah zakat harta bagi individu yang kaya di negara tersebut, dan pula dengan syarikat syarikat gergasi milik orang Islam, zakat pendapatan dari gaji yang tinggi, dan jumlah simpanan wang yang tersimpan di dalam bank umpamanya, maka jumlahnya akan sampai ke tahap billion Riyal pada setiap tahun.

Ini hanyalah satu contoh daripada negara kaya di Teluk yang dikurniakan Allah dengan hasil bumi yang mewah dan makmur, dan ini hanyalah anggaran kasar keluaran zakat yang mungkin dilakukan oleh para pembayar zakat secara sukarela dan kesedaran sendiri. Kuasa ekonomi negara Islam sebenarnya dapat memartabatkan ummah sekiranya kekayaan itu dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh negara tersebut bagi kepentingan dan negara Islam sendiri.

7. Pada tahun tujuh puluhan, ketika berlaku krisis di antara negara Islam dan negara Barat, iaitu pada zaman pemerintahan Al-Marhum al-Malik Faisal, maka terdapat kenyataan yang memeranjatkan pihak barat, iaitu pihak negara Islam mungkin terpaksa memberhentikan eksport minyaknya ke negara barat sekiranya krisis ini tidak diselesaikan secara saksama. Negara Islam dengan itu telah menggunakan taktik ugutan memberhentikan eksport minyak ke negara-negara barat, sebagai senjata yang berkesan untuk menentang barat. Hal ini sekiranya berlaku, tentulah akan memberi kesan negatif kepada ekonomi barat, kerana pembangunan ekonomi dan industri mereka sebahagian besarnya adalah bergantung kepada kuasa petrol daripada negara-negara Islam. Oleh itu pihak barat terpaksa bertolak ansur.
8. Krisis yang dihadapi oleh Palestin, setelah Hamas memenangi Pilihan Raya dan berjaya membentuk kerajaan beberapa tahun dulu, menunjukkan bahawa umat Islam amat bergantung kepada Amerika Syarikat dan Barat sebagai punca kewangannya. Israel mengambil

keputusan membekukan wang kutipan duti kastam yang dipungutnya bagi pihak Palestin setiap bulan yang berjumlah US\$50 juta.

Amerika Syarikat memberhentikan bantuannya kepada Palestin, malah menuntut kembali Wang yang telah diberikan kepada Palestin sebelum ini sebanyak US\$50 juta, sedangkan jumlah ini adalah terlalu kecil bagi AS sebagai kuasa besar tunggal, dunia. Kesatuan Eropah pula mengugut Palestin untuk memberhentikan bantuannya.

Pendeknya kuasa Barat dan Israel, benar-benar telah bertindak tegas di hadapan negara Palestin dengan cara memiskinkannya secara serta-merta dengan kuasa ekonomi yang berada di dalam tangan mereka. Malah bukan hanya sekadar melakukan tindakan yang mengaibkan itu sahaja, tetapi telah bertindak lebih jauh lagi dengan menggunakan kuasa politik mereka agar negara Islam yang kaya juga tidak membantu kerajaan baru Palestin yang memenangi pilihan raya tersebut secara demokratik, seperti yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat sendiri.

9. Hal ini berlaku ialah kerana kelemahan negara Islam sendiri dalam bidang ekonominya, yang membawa kepada kelemahannya dalam bidang politik antarabangsa. Kuasa ekonomi yang sepatutnya berada di tangan orang Islam, tidak terurus dengan baik dan produktif, dan dalam masa yang sama, kekayaan orang Islam tidak dapat dimanfaatkan oleh sesama orang Islam yang seharusnya dibantu. Inilah sebenarnya falsafah dan hikmah institusi zakat dalam Islam, iaitu mewujudkan semangat kerjasama dan bantu-membantu untuk kekuatan sesama umat Islam. Inilah sebenarnya konsep Baitul Mal yang dianjurkan oleh Islam, yang pernah berfungsi secara aktif sejak zaman para sahabat Rasulullah SAW.
10. Zakat dapat menggembelingkan kekayaan umat Islam menjadi kuasa ekonomi gagah sekiranya urusan institusi ini dijalankan secara sepadu oleh semua umat Islam di mana sahaja mereka berada. Malah saya percaya sekiranya kita mempunyai tabung zakat yang kukuh di peringkat negara-negara Islam seluruh dunia, maka tabung yang kukuh itu tentunya akan dapat membantu rakyat dan kerajaan Palestin, dan negara Palestin tidak mungkin dapat dimiskinkan dengan amat aib begitu rupa yang amat menjatuhkan maruah umat Islam keseluruhannya. Malah lebih memalukan lagi, jika diperiksa segala akaun di luar negara bagi orang-orang kaya Islam yang lebih berminat menyimpan dan melabur di



Barat, maka jumlah wang jutawan Islam di luar negara itu tentulah amat besar, yang sekiranya wang itu dizakatkan, bukan hanya Palestin akan mendapat manfaatnya, tetapi banyak lagi negara Islam lain yang miskin akan mendapat faedahnya.

11. Dari sudut yang lain pula, keutuhan kuasa ekonomi negara Islam, terutamanya dalam kuasa membeli dan konsumerisme nampaknya disedari oleh Barat dalam contoh yang berikut. Apabila berlaku krisis terakhir akibat daripada lukisan kanun yang menyentuh kemuliaan Nabi Muhammad SAW oleh pihak media Barat, dan berlakunya bantahan secara sepadu oleh umat Islam seluruh dunia di Timur dan di Barat, serta terdapat masyarakat Islam yang mengambil tindakan memulau barang-barang keluaran negara Barat tertentu, maka keadaan ini segera mencemaskan pihak Barat, kerana selama ini pasaran bagi barang-barang keluaran negara tersebut adalah besar di negara-negara Islam.

Akibat daripada pemuluan barang-barang keluaran negara Barat yang terlibat itu, maka mereka mengalami kerugian berjuta-juta dolar, mengikut dakwaan mereka sendiri. Sebab itulah negara yang terlibat, dan Kesatuan Eropah sendiri telah mengambil tindakan mendadak untuk mententeramkan suasana dan membina kembali jambatan mesra di antara Barat dan dunia Islam, sedangkan yang bertindak memulaukan barang-barang itu hanyalah merupakan tindakan orang awam, bukan kerajaan Islam yang memutuskan untuk mengambil tindakan itu.

12. Hal ini menunjukkan bahawa kuasa ekonomilah yang sebenarnya menguasai minda dan pergerakan manusia pada hari ini, termasuk negara Barat tersebut, yang hanya terjejas dengan kadar yang amat minimum dengan ugutan dan perbuatan memulaukan barang-barang keluarannya oleh segelintir masyarakat Islam sahaja, tetapi mereka telah merasakan hal itu sebagai ancaman yang besar terhadap pasaran dan ekonomi mereka, lalu segera mengundang mereka untuk memohon maaf kepada masyarakat Islam, dan pemimpin-pemimpin mereka pula bergegas menemui pucuk pimpinan OIC, berjumpa Sheikh Al-Azhar dan lain-lain lagi.

Kuasa ekonomi inilah yang seharusnya dibina melalui kesepaduan usaha bagi menginstitusikan sistem zakat di kalangan umat dan negara Islam pada hari ini. Tetapi sayangnya, zakat hanya menjadi satu amalan sukarela di kalangan sebahagian besar orang Islam, dan zakat lebih

banyak merupakan ibadat simbolik setahun sekali menjelang Hari Raya Idul Fitri. Selepas berakhirnya Ramadan dan berakhirnya Hari Raya Puasa, maka berakhirilah ibadat zakat, sehinggalah menjelang Ramadan dan Hari Raya pada tahun yang berikutnya.

13. Satu contoh lain yang dapat dikemukakan di sini tentang kerjasama sesama negara Islam untuk membantu membangunkan keutuhan sendiri ialah dengan menggembelikan kekayaan harta dan tenaga kepakaran yang ada pada umat Islam seperti menggunakan keupayaan Bank Pembangunan Islam (IDB) umpamanya dalam beberapa programnya yang tertentu.

Satu agenda yang telah diambil inisiatifnya oleh negara kita untuk membantu negara-negara Islam yang memerlukan bantuan dengan kerjasama IDB di bawah anjuran OIC, ialah program yang dinamakan Capacity Building yang merupakan satu program kerjasama sesama anggota OIC untuk membangunkan keupayaan negara-negara Islam yang memerlukan bantuan kewangan dan tenaga pakar dalam bidang yang tertentu.

Dalam program ini, Malaysia telah memainkan peranan yang penting untuk membantu dari segi kewangan dan tenaga pakar kepada beberapa buah negara anggota OIC, umpamanya membantu negara Tanzania, yang berpotensi mengeluarkan petrol, maka satu program bersama telah dilancarkan bagaimana Malaysia dapat membantu negara tersebut untuk menggunakan teknologi cari gali minyak dan menggunakan teknologi serta kepakaran yang tertentu dalam perusahaan ini melalui syarikat minyak negara kita, Petronas. Program ini melibatkan kewangan dan latihan yang dijalankan oleh Malaysia bagi melatih anak negara tersebut, iaitu dengan menggunakan kepakaran syarikat minyak kita itu.

Hal yang sama juga dijalankan program membantu negara-negara yang lain dalam bidang perusahaan kelapa sawit, perikanan dan lain-lain lagi yang melibatkan kewangan dari kita, dan penglibatan PORIM, Maju Ikan dan sebagainya dari kita. Hal ini merupakan kerjasama di antara negara Islam bagi memajukan negara-negara yang memerlukan bantuan dari negara yang lebih maju dalam bidang yang tertentu, bertujuan untuk membangunkan negara-negara Islam sebagai negara maju pada masa hadapan, dengan membangunkan kemampuan pengeluaran dan pembangunan ekonominya sendiri tanpa bergantung kepada kuasa luar

untuk mentadbirkan kekayaannya.

Maka usaha-usaha seperti ini haruslah juga berada di dalam minda kita umat Islam ketika kita membicarakan tentang institusi zakat sebagai satu mekanisme pembangunan ekonomi dan kekuatan umat kita dalam zaman sains dan teknologi. Kita sudah seharusnya dapat melibatkan OIC dan IDB dalam membangunkan satu usaha secara menyeluruh mengeksplorasi kekayaan sebahagian negara-negara anggota OIC untuk penubuhan institusi zakatnya sendiri secara yang amat teratur dan berkesan.

14. Kalau arus kebangkitan Islam semula, iaitu satu arus yang dikenali sebagai era Islamic revivalism yang bermula di sekitar tahun-tahun tujuh puluhan telah menghasilkan banyak perubahan dari segi komitmen orang Islam terhadap agamanya dalam ibadat dan gaya hidup serta kefahaman yang agak jelas tentang Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap, maka nampaknya komitmen ummah terhadap ibadat zakat masih agak ketinggalan di belakang.

Komitmen orang Islam terhadap ibadat sembahyang dan puasa serta haji dan umrah nampaknya telah meningkat dengan baik, tetapi kesedaran umat Islam terhadap kewajipan zakatnya adalah agak kecil dan tidak menyeluruh. Seperti yang telah saya sebutkan di atas, zakat di dalam sesetengah masyarakat Islam hanya merupakan ibadat tahunan yang di laksanakan ketika menjelang Aidul fitri, iaitu dalam bentuk zakat fitrah semata-mata.

Tetapi mereka kelihatan lupa tentang kewajipan berzakat, terutamanya tentang zakat harta, dan pendapatan serta jenis zakat lain lagi. Demikian juga tentang zakat perniagaan bagi syarikat dan perusahaan perniagaan yang besar, maka kesedaran untuk melaksanakan kewajipan agama dalam bentuk zakat masih kecil. Bagaimana pun pada masa-masa yang terakhir ini, dengan adanya usaha-usaha yang melibatkan pertubuhan pertubuhan Islam, dan dengan usaha yang diambil oleh pihak pemerintah sendiri, seperti yang dapat kita lihat contohnya di Malaysia, maka kesedaran tentang kewajipan ini di kalangan orang Islam kelihatan semakin meningkat.

Contoh yang saya berikan tentang peningkatan pungutan zakat di Wilayah Persekutuan dan di negeri-negeri lain di Malaysia, adalah membuktikan bahawa sebahagian besar orang Islam atas sifatnya

sebagai individu atau peneraju syarikat perniagaan telah amat prihatin dalam melaksanakan kewajipan yang diperintahkan Allah SWT terhadap hamba-Nya untuk menunaikan zakat, sama beratnya dengan kewajipan menunaikan sembahyang dan puasa serta ibadat yang lain.

Bagi sesiapa yang sering melayari laman-laman web, maka teknologi maklumat yang canggih ini dapat memberikan maklumat yang banyak tentang kewajipan zakat, seperti kadarnya, nisabnya, haul dan sebagainya, dan dapat pula mengetahui cara pembayarannya, kerana dalam era teknologi ini juga zakat telah dapat dibayar melalui bank dan kad kredit, pejabat pos dan sebagainya, yang tentunya amat memudahkan sesiapa sahaja yang ingin menunaikan fardu zakat ini.

Permulaan yang baik juga dapat kita lihat di laman-laman web itu juga, iaitu bagaimana umpamanya beberapa Kementerian Hal Ehwal Agama Islam di negara-negara Islam mengendalikan sistem pungutan dan pengagihan zakatnya, seperti yang dapat dilihat dalam Laman Web Kerajaan Pakistan melalui laman webnya *Religious Affairs & Zakat & Ushr Division*, dan penerangan tentang hal ini di laman web *The Saudi Arabia Information Resource*.

Maklumat tentang zakat juga banyak terdapat di dalam laman web pertubuhan dan persatuan Islam di seluruh dunia seperti yang dapat dilihat senarainya yang amat panjang di dalam laman web *Islamic City*, *bbc.co.uk*, *Guide Star : Islamic-American Zakat Foundation*, dan lain-lain lagi. Hal ini pada pandangan saya merupakan satu permulaan yang baik dalam menimbulkan kesedaran dan pengetahuan umat Islam tentang kewajipan zakat dan kepentingannya dalam masyarakat Islam, malah dalam beberapa keadaan, penjelasan ilmiah dan analisis mendalam tentang kewajipan zakat ini, memberikan gambaran positif kepada orang-orang Islam yang benar-benar hendak menunaikan ibadatnya kepada Allah dan dalam masa yang sama dapat berbakti kepada sesama saudara seagama tidak kira di mana sahaja mereka berada.

Kesedaran ini amatlah penting, kerana rata-rata umat Islam pada hari ini terlalu bersifat individualistik dalam aspek pemilikan harta dan kekayaannya, malah tidak terlalu berlebihan sekiranya ditegaskan di sini bahawa dalam menunaikan ibadat juga, kadang-kadang kita mendapat gambaran bahawa umat Islam juga lebih mementingkan dirinya sendiri.

Orang Islam dalam menunaikan ibadat umrah atau haji umpamanya,

sanggup mengeluarkan wang yang banyak berulang-ulang kali untuk ibadat itu, sedangkan ibadat zakatnya tidak terlaksana secara yang lengkap. Ibadat Haji hanyalah diwajibkan sekali sahaja dalam seumur hidup. Tetapi kalau tidak berpuas hati dengan ibadat pertama, mungkin orang Islam itu mahu melakukannya kali kedua. Tetapi tidaklah sampai berulang kali naik haji, sehingga melupakan kewajipan zakat, atau melupakan saudara-saudara seagamanya yang memerlukan bantuan, juga institusi-institusi Islam yang mengalami kemunduran kerana kekurangan sumber kewangan. ‘

Saya tidak bertujuan mempersoalkan tentang hal ini, kerana perkara ini adalah merupakan kebebasan setiap individu itu, dia boleh membuat ibadat apa saja tanpa dipersoalkan oleh sesiapa pun. Tetapi maksud saya di sini, bahawa seperti mana besarnya hasrat dan kesedaran serta kesanggupan seseorang itu mengeluarkan wang yang banyak untuk menyempurnakan ibadatnya seperti haji dan umrah, maka kesedaran tentang berzakat ini juga seharusnya meningkat berkali-kali ganda dalam masyarakat Islam sekarang ini, malah dilihat dari sudut persaingan dunia dan pertentangan serta permusuhan di antara musuh dengan kita yang beragama Islam pada hari ini, kita sepatutnya lebih menyedari tugas dan kewajipan kita dalam menyelamatkan agama dan umat kita ini, maka salah satu usaha ke arah ini ialah mempertingkatkan kemampuan kebendaan dan ekonomi negara dan umat kita secara menyeluruh. Hal ini tentulah merupakan ibadat yang besar dan agung.

Maka salah satu perjuangan memperkayakan umat dan negara kita ialah dengan mengendalikan dan menguruskan harta dan kekayaan kita menurut landasan yang ditentukan oleh agama, seperti menguruskan kewangan dan sistem zakat ini secara yang terkini dan relevan dengan perkembangan semasa, menguruskan harta wakaf, menubuhkan tabung kewangan Islam dan sebagainya. Orang Islam sendiri haruslah juga insaf bahawa kewajipan berzakat itu adalah merupakan satu ibadat untuk Allah SWT dan dalam masa yang sama ibadatnya itu merupakan satu jihad dan pengorbanan yang akan dirasakan kesannya oleh saudaranya sesama Islam.

Di dalam kitab suci al-Quran, Allah SWT menekankan tentang kepentingan ibadat zakat, malah telah mengandikan ibadat zakat dengan ibadat sembahyang sebanyak dua puluh lapan kali sebutan. Sekiranya umat Islam benar-benar menginsafi hal ini, dan berusaha bersungguh sungguh

untuk melaksanakannya, maka usaha untuk membasmi kemiskinan di dalam masyarakat kita akan menjadi lebih mudah. Hal ini semua amat memerlukan satu paradigma baru dalam masyarakat Islam pada hari Pemerintah Islam haruslah menggerakkan mekanisme yang kita sebutkan ini, dan masyarakat Islam sendiri haruslah berusaha mendidik generasi baru supaya menyedari akan kepentingan ibadah ini.

Saya berharap pihak penganjur seminar ini akan berusaha untuk mencapai objektif yang saya sebutkan di atas, iaitu jika tidak memenuhi matlamat untuk menubuhkan badan zakat seluruh dunia pun, sekurang-kurangnya kita akan dapat mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah badan zakat Asia Tenggara, yang kita harapkan akan menjadi kenyataan dan dimakbulkan Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam (Surah al-Rum : 38 dan 39) yang bermaksud :

*Maka berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, pemberian yang demikian adalah sangat baik bagi orang yang bertujuan memperoleh keredhaan Allah dan mereka itulah orang yang berjaya. Sesuatu pemberian atau riba (tambahan) yang kamu berikan, supaya bertambah banyak (sewaktu bayaran balik) pada harta manusia, maka ia tidak sekali-kali akan bertambah di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharap keredhaan Allah semata-mata, maka mereka itulah orang yang beroleh pahala berlipat ganda.*

Negara kita sebenarnya telah menunjukkan model dan contoh yang paling baik di antara negara-negara Islam di dunia ini dalam usaha memberikan kesedaran untuk umat Islam mengeluarkan zakatnya dengan berbagai-bagai usaha dan komitmen. Kerajaan sendiri dalam hal ini, maka sudah sampailah masanya kita mencuba membuka mata negara Islam yang lain, agar usaha ini dapat dilaksanakan demi kekuatan ummah, dan mencipta masyarakat Islam yang maju dan bertamadun.

Amin ya Rabbal 'Alamin.



Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel: 04 263 2975 Faks: 04 263 2985

Web: <http://mufti.penang.gov.my>